

Lambang Semangat Juang dalam Legenda Rentap dan Sejarah Penentangannya terhadap Raja Brooke di Sarawak

LOW KOK ON

ABSTRAK

Rentap tersohor sebagai seorang wira rakyat Iban, yang menentang pemerinatahan Raja Brooke di Sarawak pada kurun ke-19. Beliau bersama pengikutnya memberikan tentangan hebat atas rancangan perluasan wilayah keluarga Brooke di sekitar Sungai Sekrang. Kehebatan Rentap ditonjolkan melalui semangat juang ibarat biar putih tulang, jangan putih mata. Jadi, tidak hairan mengapa kisah kehebatan Rentap disebarkan dari mulut ke mulut dalam kalangan penduduk tempatan di Sarawak. Sehubungan itu, sebuah teks verbatim legenda Rentap telah penulis transkriarkan daripada hasil kerja lapangan mengumpul bahan cerita lisan di Sarawak pada tahun 2000. Teks legenda ini mengisahkan zaman pra-Rentap menentang penjajahan British di Sarawak. Dalam makalah ini, selain meneliti sejarah penentangan Rentap terhadap penjajahan keluarga Brooke di Sarawak, penulis turut membuat analisis struktural atas teks verbatim legenda Rentap bagi mendalami asal usul, ciri-ciri keperwiraan dan lambang semangat juangnya. Analisis struktural atas teks verbatim sedemikian akan menonjolkan persepsi dan rasa hormat rakyat terhadap seorang wira sanjungan mereka.

Kata kunci: Legenda Rentap, Raja Brooke, wira rakyat, semangat juang, persepsi rakyat.

ABSTRACT

Rentap was a renowned Iban folk hero who resisted Raja Brooke's rule in Sarawak in the 19th century. He and his followers put up a strong resistance against Brooke's campaign to expand his territory along the Sekrang River in Sarawak. Rentap's heroic status is attributed to his "never say die" attitude when fighting against Brooke's police force. Consequently, legends regarding his indomitable fighting spirit continue to circulate among Sarawak folk to this day. During a fieldtrip to collect folk stories of Sarawak conducted in 2000, one of the transcripts obtained by the author was related to the legend of Rentap. Intense scrutiny of this unique verbatim text reveals an extended and detailed narration of the pre-Rentap era during which time resistance to Brooke's regime was considerable. In this paper, besides discussing the history of Rentap's resistance against Brooke's rule in Sarawak, the author attempts a structural analysis of this verbatim text in order to reveal the origin,

characteristics and also the symbolism behind the “enduring fighting spirit” of this folk hero. In doing so, it is anticipated that folk perceptions of Rentap will also be revealed.

Key words: Legend of Rentap, Raja Brooke, folk hero, enduring fighting spirit, folk perceptions.

PENGENALAN

Libau, atau lebih dikenali sebagai Rentap¹ ialah wira rakyat yang tersohor di bumi Sarawak. Dalam catatan sejarah, Libau lahir di Sungai Kapuas, di bahagian barat Borneo pada sekitar 1800-an. Tidak lama selepas beliau dilahirkan, keluarganya telah berpindah ke Ulu Sekrang². Seterusnya, Libau telah menghabiskan sebahagian besar hayatnya di sekitar Sungai Sekrang dan Sungai Saribas. Setelah memperoleh tengkorak manusia pertama dalam satu ekspedisi *ngayau* (pengait kepala)³, nama Libau telah diubah kepada Rentap (Chang Pat Foh 2006: 22-23). Beliau menjadi tersohor sebagai ketua panglima orang Dayak di Sarawak menentang perluasan wilayah jajahan James Brooke dan Charles Brooke.

Nama Rentap sering disebut oleh pengkaji yang menyelidiki sejarah pemerintahan Brooke di Sarawak. Antaranya, Jacob (1876: 74) menyebut Rentap sebagai *a powerful Sakarran chief*. St. John (1994: 263) pula menyifatkannya sebagai *one of the most notorious and truculent of the Dayak chiefs*. Hahn (1953:179) pula menggambarkannya sebagai *a pirate chief who had never submitted to the peaceful programme that prevailed otherwise along the Sakaran* (Sekrang). Seterusnya, Reece (2004: 46) memperkenalkannya sebagai pemimpin Dayak *who provided the strongest and most persistent Dayak resistance to Brooke rule from his stronghold in Ulu Ai*. Akhir sekali, selepas ekspedisinya menyerang kubu Rentap di Bukit Sadok, Charles Brookes memberi komen dengan mengatakan, *“One admires these fellows fighting for their independence, and in defence of the customs of their forefathers”* (Tarling 1982:329).

KAJIAN LEPAS BERKENAAN RENTAP

Berdasarkan kajian perpustakaan yang telah dilakukan, penulis mendapati banyak sekali tulisan berkenaan Rentap telah diterbitkan. Chang Pat Foh (2002) dalam *History of Bidayuh in Kuching Division, Sarawak* telah memberi catatan ringkas mengenai penentangan Rentap kepada perluasan kuasa James Brooke di peringkat awal di sekitar Sungai Sekrang dan Sungai Saribas. Seterusnya, dalam buku Chang Pat

Foh (2006), *History of Iban Settlements around Kuching City, Sarawak*, telah dimuatkan satu bab berkenaan Rentap dengan judul “*Iban Hero: Panglima Rentap*”. Dalam bab ini, Chang Pat Foh (2006) telah menonjolkan sejarah kepahlawanan Rentap sebagai wira orang Iban dengan memperkatakan penentangan Rentap atas Raja James Brooke dan Raja Charles Brooke, yang bermula dari tahun 1844 sehingga tahun 1858, dan mengakhirinya dengan mengemukakan bukti, termasuk pembinaan Kubur Kenangan Rentap di Bukit Sibau di Pakan, monumen Rentap di Bukit Sadok dan Dewan Panglima Rentap di Betong. Semua projek sebegini dibina sebagai tanda peringatan kepada semangat gigih seorang wira tempatan menentang kekuasaan asing di Sarawak.

Baring-Gould dan Bampfylde (2007) juga memuatkan bab dengan judul “Rentap” dalam tulisan mereka *A History of Sarawak under Its Two White Rajahs 1839-1908*. Dalam bab berkenaan, mereka membincangkan dengan teliti ekspedisi serangan pasukan tentera yang diketuai Charles Anthoni Johnson⁴ (Tuan Muda) ke atas Rentap dan pengikutnya di sekitar Bukit Sadok, iaitu kubu terakhir Rentap. Begitu juga dengan sumbangan St. John (1994) dalam buku *The Life of Sir James Brooke: Rajah of Sarawak* dengan menyiarkan bab yang berjudul “*The Royal Commission: Expedition against Rentap*”.

Boleh dikatakan kebanyakan pengkaji yang menerbitkan karya berkenaan sejarah Sarawak atau sejarah pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak pasti menyebut sejarah penentangan Rentap atas pemerintahan Brooke. Antara mereka yang dimaksudkan ialah Reece (2004), Rutter (1986), Tarling (1982), Crisswell (1978), Haji Buyong Adil (1974), Sandin (1967), Hahn (1953) dan Jacob (1876). Hal ini menunjukkan betapa pentingnya peranan Rentap sebagai salah seorang ketua suku Iban di sekitar Sungai Sekrang dan Saribas. Seyogianya dinyatakan bahawa semua catatan berkenaan Rentap yang diterbitkan sebelum ini adalah berdasarkan laporan daripada pihak pemerintah Raja Brooke yang beroperasi atas nama menghapuskan kegiatan lanun yang telah dijalankan.

Berdasarkan kajian lepas tentang Rentap, belum ditemui pengkaji yang mengkaji wira rakyat Dayak ini berasaskan teks verbatim yang diperolehi daripada mulut informan. Begitu juga kajian atas Rentap berdasarkan metodologi sastera rakyat. Dalam makalah ini, akan dicuba analisis struktural berdasarkan teks verbatim yang penulis perolehi daripada kerja lapangan merakam cerita mulut daripada informan pada tahun 2000. Asalnya teks ini diceritakan Cosmas Rukong, berusia 89 tahun, daripada suku Bidayuh kepada cucunya Leo Jan, yang berusia 21 tahun. Teks yang diwarisi Leo Jan itu panjang dan lengkap. Menurut informan, setiap kali dia makan malam di rumah datuknya, arwah datuknya tetap akan menyampaikan kisah Rentap kepadanya. Datuk informan kami itu telah mengambil masa tujuh kali makan malam di

rumahnya bagi menyampaikan keseluruhan teks yang dirakam ini. Selepas diteliti, penulis dapati teks ini istimewa kerana ia berisikan kisah mengenai zaman pra-Rentap, iaitu zaman sebelum Rentap menentang penjajahan British di Sarawak. Teks sedemikian membolehkan penulis membuat analisis struktural untuk menonjolkan unsur kepercayaan dan simbol semangat juang Rentap dalam hati rakyat jelata di Sarawak.

SEJARAH PENENTANGAN RENTAP TERHADAP PEMERINTAHAN BROOKE

Dalam buku sejarah, perluasan kuasa James Brooke di peringkat awal ditentang hebat oleh penduduk peribumi Sarawak, iaitu orang Melayu⁵ dan orang Dayak yang dilabelkannya sebagai “lanun”. Dua buah kubu utama penentangan James Brooke pada peringkat awal terletak di Saribas dan Sekrang. Keppel (1846:197) dalam ekspedisinya menaiki kapal perang H.M.S. Dido memberi gambaran tentang orang Dayak dengan menyebut sebegini:

The tribes of Sarebus and Sakarran, whose rivers are situated in the deep bay between Tanjong Sipang and Tanjong Sirak, are powerful communities, and dreadful pirates, who ravage the coast in large fleets, and murder and rob indiscriminately; but this is no means to be esteemed a standard of Dyak character.

Selain itu, Irwin (1986:103) telah memberi gambaran yang hampir sama dengan Keppel (1846) berkenaan orang Dayak di Saribas dan Sekrang dengan menyatakan:

Kedua-dua komuniti ini adalah dua kelompok lanun ganas yang tinggal di kawasan Batang Lupar, kira-kira enam puluh batu di timur Kuching. Mereka ini terkenal dan ditakuti penduduk di sepanjang Pantai Barat Borneo. Ancaman mereka ada kalanya meluas sehingga ke Banjarmasin dan Sulawesi.

Ketua orang Melayu Saribas yang terkenal ketika itu ialah Abang Apung dengan pembantunya Linggir, seorang Iban dari Paku. Kebetulan pula ketua-ketua Iban Sekrang pula ialah Rentap, Bulan dan Rabong (Haji Buyong Adil 1974: 57). Pelbagai label yang bernada negatif telah dilontarkan oleh Raja Brooke atas kedua-dua komuniti Dayak di Saribas dan Sekrang. Raja Brooke menggambarkan mereka sebagai “perompak di darat dan lanun di laut” semata-mata kerana mereka menentang sesiapa sahaja serta sesiapa sahaja yang menentang mereka. Ketika tidak melanun, orang Dayak akan merayau-rayau di kawasan jiran. Mereka juga disifatkan sebagai pengikut yang akan membelot terhadap tuannya apabila menyedari kuasa mereka sudah lebih besar daripada tuannya.

Semasa berlakunya perang saudara yang hebat di Sarawak, mereka enggan membantu Raja Muda Hasyim dengan alasan mereka sedang berperang di tempat lain. Tidak lama setelah berkuasa di Sarawak, Raja Brooke memerintahkan orang Dayak di Saribas dan Sekrang berhenti menyerang puak-puak sekutu James Brooke. Ketua komuniti Saribas dilaporkan telah menggantungkan sebiji raga di atas pokok tinggi dan mengumumkan tidak lama lagi raga itu akan berisi kepala Raja Putih (Irwin 1986:103-104). Sehubungan itu, Tate (1988:37) mencatatkan ketua lanun, iaitu Syarif Sahap dari Sadong, Mullah dari Undup dan Ahmad dari Linggir yang berbuat demikian setelah Brooke mengumumkan kegiatan lanun di perairan Sarawak akan dihapuskan.

Seterusnya Brooke telah melancarkan sesiri serangan atas orang Dayak yang dilabelkannya sebagai lanun di Sekrang dan Saribas. Pertempuran Batang Marau, iaitu perangkap yang dirancang James Brooke pada 31 Julai 1849 ke atas lanun Saribas dalam perjalanannya pulang dari Sungai Rejang adalah serangan yang dilihat oleh beberapa pihak sebagai tindakan kejam daripada Brooke. Pertempuran ini mengakibatkan lapan puluh lapan buah perahu lanun Saribas dimusnahkan, dan kira-kira tiga ratus orang lanun mati dibunuh. Kira-kira lima ratus orang lagi dilaporkan mati dalam hutan atau setelah sampai ke rumah. Semasa pertempuran itu memuncak, Kapal Mimesis dilaporkan merempuh masuk ke tengah-tengah kumpulan perahu lanun Saribas. Banyak perahu lanun Saribas terbalik dengan penumpangnya terhumban ke celah roda pengayuh kapal. Sehubungan itu, Joseph Hume, pemimpin radikal di Persatuan Keamanan London dan Persatuan Perlindungan Orang Asli mengecam tindakan kejam Brooke itu. Hume dan penyokongnya mengandaikan lanun Dayak sebenarnya tidak wujud. Orang Dayak di Saribas dan Sekrang tidak tahu menahu menggunakan senjata api dan tidak mengancam keselamatan kapal Eropah. Mereka menyifatkan Brooke sebagai “pemotong daging” yang telah membunuh “orang liar” agar tunduk kepadanya (Irwin 1986:178-179). Selain itu, Horace St. John pada tahun 1852 telah menulis tentang serangan kejam Kaptain Keppel ke atas Sekrang dengan menyatakan:

Satu konflik tercetus, beribu-ribu orang bertempur dari kedua-dua pihak – beratus-ratus buah perahu terapung di sekeliling kapal, sementara orang Dayak berbunuh sesama mereka, badan yang terputus dan tidak berkepala tercampak merata-rata dalam keadaan yang membingungkan. Hasil operasi ini terlalu memusnahkan (Irwin 1986:181).

Akan tetapi, Brooke dalam *Memorandum on Piracy* yang bertarikh 31 Julai 1852 menyatakan sistem lanun hanya dapat ditumpaskan dengan menggunakan sistem penindasan. Ketiga-tiga unsur seperti pengetahuan, hukuman dan pujukan harus disatukan untuk mencapai

kesannya. Akibat serangan ini, banyak orang Dayak di Saribas dan Sekrang dilaporkan mula meninggalkan tradisi melanun untuk diganti dengan kegiatan bercucuk tanam (Irwin 1986: 182). Sehubungan itu, dalam surat peribadinya yang diutuskan kepada Jack, Brooke menyatakan:

The case is very simple. The enclosed sketch will show you the river, and I may remark that Lingga is not a piratical tribe, but, at feud with Serebas and Sakarran, and only restrained by my influence, from continuing the "intertribal war", but I allow no intertribal wars (Templer 1853: 57).

Kata-kata Brooke ini disokong Sandin (1967) yang mengkaji sejarah pertelingkahan antara suku-suku Iban di Sarawak. Dalam kajiannya, Sandin (1967: 65) melaporkan setibanya James Brooke di Sarawak, pertelingkahan sesama suku yang berlainan dalam kalangan orang Iban sudah ada. Kejadian itu menyebabkan Brooke mendapat sokongan daripada Iban Lingga, Iban Undup dan Iban Sebuyau yang menentang Iban Saribas dan Iban Sekrang.

Bagi Rentap dan pengikutnya pula, James Brooke sendiri ialah "Lanun Putih" yang merampas tanah selain memaksa penduduk peribumi di Sarawak membayar cukai. Selain itu, Rajah Brooke telah campur tangan dalam hal ehwal orang Dayak yang diwarisi turun temurun. Setelah diteliti, Rentap dan pengikutnya pernah memperoleh banyak kemenangan ke atas tentera sekutu Brooke. Kemenangan pertama Rentap ke atas tentera sekutu Brooke telah dicatat Chang Pat Foh (2006: 23) sedemikian:

Rentap first met and fought the White Rajah at Karangan Peris in Skrang on 19 August 1844. He stood bravely blocking the advance of White Rajah's force led by Datu Patinggi Ali with a formidable array of war boats and thousands of men on both banks of the river. The White Rajah's force were outnumbered and Datu Patinggi Ali was killed together with George Steward and 29 of his devoted followers with 56 wounded.

Kemenangan kali kedua Rentap ke atas tentera Brooke terjadi pada Disember 1852. Masa itu, James Brooke sedang melawat Kubu James di Nanga Sekrang dan mengutus surat kepada Rentap untuk datang bertemu dengannya untuk perbincangan mencari perdamaian. Akan tetapi, Rentap bukan sahaja enggan menerima tawarannya, malah telah menyerang kapal Alan Lee, iaitu pegawai Brooke yang mentadbir Lingga di Lintang Batang pada awal 1853. Kapal Lee telah ditenggelamkan pengikut Rentap dengan kepala Lee dipancung oleh menantu Rentap. Peristiwa ini turut dicatatkan Hahn (1953: 187):

Brooke and Charles had already collaborated on one expedition against Rentap (Rentap), whose forces had defeated Brereton and Lee; once again Rentap, this time on the defensive, succeeded in beating back the Europeans and their forces. These triumph were due in part to the fact that the English for the first time were fighting far inland, where their inexperience put them at a grave disadvantage.

Kemenangan Rentap ini menyebabkan Charles Brooke ditempatkan di Lingga. Akhirnya, Charles Brooke telah merancang untuk melancarkan tiga siri ekspedisi menyerang Rentap: Ekspedisi Sadok Pertama pada 1857, Ekspedisi Sadok Kedua pada 1858 dan Ekspedisi Sadok Ketiga pada 1861 (Chang Pat Foh 2006:24-29, Haji Buyong Adil 1974: 65-66; Hahn 1953: 179).

Berdasarkan catatan Baring-Gould dan Bampfylde (2007: 200-201), Ekspedisi Sadok Ketiga adalah ekspedisi serangan secara besar-besaran yang dilengkapi alat senjata berat, seperti meriam 6-*pounder*, 12-*pounder* dan banyak tentera daripada angkatan tentera Charles Anthoni Johnson ke atas kubu Rentap di Bukit Sadok bermula pada 16 September 1861. Ekspedisi Charles Anthoni Johnson kali ini mengambil masa dua belas hari. Pada 28 September 1861, dinding kubu Rentap yang kukuh telah retak dibom meriam 12-*pounder*. Rentap dan pengikutnya yang terselamat itu telah melarikan diri ke Entabai, Kanowit. Namun penentangan Rentap telah berakhir dengan beliau meninggal dunia di situ beberapa tahun selepas itu. Kejatuhan Rentap telah disifatkan Tuan Muda sebagai akibat daripada perbuatan dan personalitinya yang ganas dan melanggar adat orang Iban. Hal ini dijelaskan Baring-Gould dan Bampfylde (2007:199) dengan mengatakan:

... a good many of Rentap's followers had deserted him, and he was no longer popular. His violence and wilfulness had alienated many... He had descended from his eyrie, carried off a girl, discarded his old wife, and elevated the young one to be Rane of Sadok. This was a grave violation of Dayak custom, and was resented accordingly.

Jacob (1876:340) pula mencatatkan dua orang ketua suku yang bersekutu dengan Rentap telah meninggalkannya untuk menolong C. Johnson mengangkut meriam ke lokasi yang dekat dengan kubu Rentap. Hal ini juga dicatatkan Haji Buyong Adil (1974: 86) yang menyatakan Rentap tidak lagi disukai pengikutnya pada penghujung penentangannya kerana beliau telah menjadi sombong berkat kejayaannya. Selain itu, Rentap telah melanggar adat orang Iban dengan membuang isteri tuanya dan menjadikan isteri mudanya sebagai "Ranee Bukit Sadok". Dalam serangan kali ketiga daripada tentera sekutu Brooke, Rentap telah cedera

dan terpaksa melarikan diri dari Bukit Sadok (Jacob 1876: 126). Demikianlah catatan sepintas lalu berkenaan sejarah penentangan yang dipimpin Rentap ke atas pemerintahan James Brooke dan Charles Brooke. Sebelum analisis struktural ke atas teks legenda Rentap dibuat, ada baiknya jika pembaca diberikan sinopsis teksnya.

SINOPSIS TEKS VERBATIM LEGENDA RENTAP

Legenda Rentap ini bermula dengan seorang penakluk yang jahat di Singai⁶. Dia dikenali sebagai Siar yang mempunyai seorang anak yang sangat hodoh. Namanya Sialu. Disebabkan layanan buruk daripada bapanya, Sialu telah melarikan diri untuk tinggal di bawah kaki Gunung Singai. Di situlah Sialu bertemu dengan Munuo Jaat, iaitu "Raja kepada Segala Kuasa Jahat". Munuo Jaat berupaya mencipta hantu yang akan menangkap manusia untuk dimakan. Disebabkan Sialu begitu hodoh, Munuo Jaat tidak ada selera makannya. Lama kelamaan, mereka menjadi kawan.

Sebenarnya Munuo Jaat adalah musuh lama Siar. Kedua-duanya bermusuhan kerana ingin menjajah Singai. Munuo Jaat cuba memperkuatkan tenteranya agar dapat mengalahkan Siar. Suatu hari, Munuo Jaat yang menjelmakan diri sebagai manusia bersama dengan Sialu telah merancang untuk menangkap Lochen yang diketahui mempunyai kekuatan fizikal yang luar biasa, selain mahir dalam teknik peperangan. Akhirnya Munuo Jaat berjaya menangkap Lochen dan menemukannya kepada jin di bawah tenteranya.

Setelah berita mengenai Sialu tinggal bersama Munuo Jaat itu sampai ke telinga Siar, ia menukarkan diri menjadi seekor burung kenyalang dan terbang ke arah Gunung Singai untuk menyerang Munuo Jaat. Banyak jin Munuo Jaat menghalangnya, namun telah dibunuh panah api Siar. Akhirnya Munuo Jaat dan Sialu juga terkorban. Yang tinggal hanya Lochen. Lochen yang tercedera berjaya melarikan diri ke Kampung Jagoi. Di situ, Lochen telah tukar menjadi sebagai manusia dengan menukar namanya kepada Rentap. Selepas itu, Lochen berkahwin dengan anak Ketua Kampung yang bernama Sendap. Daripada perkahwinan ini, mereka mendapat seorang anak lelaki yang juga diberi nama Rentap. Diceritakan Rentap turut mewarisi kekuatan daripada bapanya selain mahir dalam teknik perang.

Legenda ini diteruskan dengan kisah Siar terus memburu Lochen sehingga akhirnya berjaya membunuh Lochen dan isterinya. Rentap yang sedang bermain di hutan ketika itu telah diselamatkan seekor burung kenyalang yang tukar menjadi manusia dengan nama Isal. Sementara di Kampung Sepauh, ada seorang ketua dipanggil Kiwiu dan isterinya, Disun. Suatu malam, Disun bermimpikan dia bertemu dengan Isal yang memberitahunya dia akan mendapat seorang anak dari mulut

seekor buaya putih. Disun yang percaya mimpinya itu turun ke Sungai Batang Lupar. Di situlah muncul seekor buaya putih yang membuka mulutnya. Di dalam mulutnya ada seorang kanak-kanak. Lalu Disun mengambil Rentap dari mulut buaya putih untuk pulang ke rumah dan memeliharanya sebagai anak kandung.

Sementara itu, Kiwiu telah mengajar semua ilmu, termasuk ilmu kebal dan ilmu mempertahankan diri kepada Rentap. Tidak lama kemudian, Rentap telah menjadi ketua rumah panjang dan berkahwin dengan gadis yang bernama Genjuim. Mereka mendapat seorang anak yang bernama Siopoi. Suatu malam, Rentap bermimpikan peperangan di Gunung Singai dengan ayahnya dibunuh Siar. Akibatnya, Rentap bersama-sama dengan pengikutnya merancang untuk menyerang Siar di Gunung Singai. Dalam serangan itu, Rentap meninggalkan Siopoi yang amat mahir dalam penggunaan lastik di belakang. Malang sekali, Rentap telah terkorban dalam serangan ke atas Siar kali ini. Siopoi yang datang untuk menolong Isal telah melepaskan lastiknya ke arah Siar dan membunuhnya. Siopoi dapati hampir semua pengikut Rentap telah dibunuh Siar, kecuali enam orang: Singai, Jagoi, Sadong, Selako, Penrissen dan Iban. Merekalah yang membentuk suku Dayak yang ada sehingga hari ini. Sehubungan itu, Siopoi telah menggantikan tempat ayahnya sebagai tuai rumah (ketua) di situ.

Setelah sekian lama, tempat Siopoi diganti Dukun Tiuku. Suatu malam, Dukun Tiuku bermimpikan Isal yang menjadi seekor burung kenyalang telah masuk ke dalam mimpinya. Dalam mimpi itu, Isal memberitahu bahawa peperangan dahsyat yang menyerupai peperangan di Gunung Singai akan berulang walaupun dalam bentuk yang lain. Isal juga menyatakan semasa musuh datang nanti, Rentap dalam rupa dan bangsa yang berbeza akan muncul kembali untuk menentangnya. Legenda ini diketahui semua orang Dayak yang risau tentang berulangnya peperangan dahsyat itu. Hal ini menjadi kenyataan setelah Brooke bertapak dan menjajah negeri Sarawak

ANALISIS STRUKTURAL ATAS TEKS VERBATIM LEGENDA RENTAP

Informan Teks Verbatim Legenda Rentap (TVLR) (Lampiran 1) memulakan kisah tentang asal usul Rentap dengan menceritakan pemerintah Singai (Daerah Bau, Sarawak) yang dikenali sebagai Siar dan Munuo Jaat, Raja Segala Hantu yang menghuni di Gunung Singai. Legenda ini diteruskan dengan anak Siar, iaitu Sialu yang hodoh, melarikan diri lalu menyertai Munuo Jaat di Gunung Singai. Kemudian, Munuo Jaat dan Sialu menangkap seorang pahlawan yang terkenal dengan kekuatan yang luar biasa dan mahir dalam perihal peperangan, iaitu Lochen. Munuo Jaat menjadikan Lochen salah seorang daripada

panglima perangnya. Setelah Siar mendapat tahu semua hal ini, dia menyerang Gunung Singai. Dalam peperangan ini, Munuo Jaat dan Sialu terkorban.

Asal usul Rentap dikaitkan dengan unsur-unsur mistikal dengan Siar dan Munuo Jaat menjadi tokoh mistikal yang dipercayai mempunyai ilmu dan kesaktian yang luar biasa. Petikan teks yang berikut dapat membayangkan unsur-unsur mistikal yang dimaksudkan itu:

- i. Ceritanya adalah tentang em... pada suatu masa dahulu ada seorang lelaki ni yang... ah, orang panggil sebagai Siar. Dia ada ilmu, dia adalah kiranya dukun di negeri saya... di Singai (TVLR: Segmen 1)
- ii. Gunung Singai ini adalah sebuah gunung, yang pada dahulunya adalah satu gunung yang jarang orang pergi, sebab tinggal di atas gunung itu ada seorang jin atau dalam bahasa Bidayuh, dia adalah Munuo Jaat. Munuo Jaat adalah dalam bahasa Bidayuh maksudnya “Raja Segala Kuasa Jahat” (TVLR: Segmen 4)
- iii. Munuo Jaat dalam perjalanannya pada waktu itu untuk menangkap manusia, dia tak makan nasi, dia tak makan apa, dia makan manusia (TVLR: Segmen 5)

TVLR membayangkan nama “Rentap” pada asalnya adalah nama samaran seorang pahlawan, iaitu Lochen yang kuat, gagah dan mahir dalam peperangan. Dalam TVLR, Lochen telah diculik lalu dijadikan salah seorang panglima Munuo Jaat. Dalam serangan Siar yang berkesudahan dengan Munuo Jaat dan Sialu terkorban, Lochen berjaya melarikan diri ke Kampung Jagoi. Di situ, dia berkahwin dan tukar namanya kepada Rentap. Setakat ini, penulis dapati Rentap hanya nama samaran kepada Lochen yang tidak ingin identitinya diketahui musuhnya. Yang istimewa adalah apabila Lochen (Rentap) mendapat seorang anak lelaki, ia juga diberi nama Rentap. Cerita sedemikian membayangkan adanya kesinambungan perjuangan Rentap akan berterusan dari semasa ke semasa. Perjuangannya menentang musuh tidak akan berhenti, sekalipun Lochen (Rentap) terkorban nanti. Setelah ayahnya pergi, anaknya, Rentap, akan meneruskan perjuangannya.

Lambang perjuangan Rentap yang berterusan itu juga dibayangkan di bahagian akhir TVLR. Kisah ini diteruskan dengan tuai rumah panjang dipanggil Dukun Tiuku. Dukun Tiuku ialah pengganti Siopoi, iaitu anak Rentap yang berjaya membunuh Siar dengan lastik saktinya dengan pertolongan Isal, seorang lagi tokoh mistik dalam TVLR. Suatu malam, Isal masuk ke dalam mimpi Dukun Tiuku berupa seekor burung kenyalang yang cantik. Perhatikan cerita TVLR dalam petikan seperti yang berikut:

- iv. Dalam mimpinya, Dukun Tiukul cuma kedengaran apa yang dikatakan Isal. Dalam mimpi itu juga, Dukun Tiukul diberitahu bahawa penjajahan daerah Bau oleh Siar akan berulang tetapi

dalam bentuk yang lain. Maka, kembalinya Rentap... maka akan kembalinya Rentap juga. Tapi dalam rupa yang berbeza dan bangsa yang berbeza untuk menentang penjajahan Siar yang akan kembali itu.

- v. Dan bangsa yang terpilih ialah bangsa Iban di mana daripada bangsa ini akan munculnya, akan munculnya seorang wira Iban bernama Libau, nama samaran nanti Rentap.

Di bahagian akhir TVLR, ternyata perjuangan penentangan Rentap atas sesuatu penaklukan di tempatnya akan berterusan sehingga bila-bila.. Informen TVLR sendiri mengatakan, “Cerita ini tersebar luas dan kebanyakan orang takut akan Siar dan peperangan yang ah... seumpama dahulu itu muncul balik. Tetapi sebenarnya cerita ini menjadi benar apabila Brooke bertapak dan menjajah negeri Sarawak.” Sebagaimana yang telah kami nyatakan di bahagian pengenalan rencana setelah Libau memperoleh tengkorak manusia pertama dalam ekspedisi *ngayau*, namanya telah diubah kepada Rentap (Chang Pat Foh 2006: 22-23). Sebagai perbandingan, Libau yang menukarkan namanya kepada Rentap itu mirip kepada perbuatan Lochen yang menukarkan namanya kepada Rentap. Penaklukan Brooke ke atas Sarawak juga mirip kepada penaklukan Siar di Daerah Singai dahulu. Dengan kata lain, legenda ini membayangkan penaklukan itu akan ditentang. Dan penentangan atas penaklukan itu akan diketuai seorang wira. Wira yang dimaksudkan itu ialah Rentap – lambang perjuangan yang berterusan untuk orang Dayak di Sarawak. Hal ini dibayangkan di permulaan TVLR dan juga di akhir TVLR.

Semangat juang atas nama Rentap turut terbukti dalam sejarah Libau (Rentap) yang menentang pemerintahan Brooke di Sarawak. Walaupun banyak kali diserang tentera yang diketuai James Brooke dan Charles Brooke, tidaklah juga Rentap berhenti atau menyerah. Rentap pernah berkata, “Orang Putih yang mempunyai kapal dan meriam yang banyak sememangnya berkuasa di perairan, tetapi orang Iban boleh berjalan, mendaki gunung yang curam dan berperang di darat.” (Haji Buyong Adil 1974: 69). Kata-kata Rentap ini memang ada kebenarannya. Hahn (1953: 188) menyatakan satu daripada ekspedisi Raja Brooke menyerang Rentap dengan catatan: *The Rajah was not strong enough to make the last trek on foot, walking in Borneo forest is peculiarly difficult... Rentap's men harried them by night, picking off one man after another with their spears and swords.* Semangat perjuangan Rentap sedemikianlah yang dinamakan orang Iban sehingga ke hari ini sebagai *agi idup agi ngabalan!*

DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, TVLR ini telah membayangkan beberapa perkara penting berkenaan Rentap sebagai wira rakyat orang Dayak di Sarawak. Pertama, “Rentap” hanyalah satu nama samaran dari segi legenda, iaitu Lochen yang cuba menyamarkan identitinya dalam TVLR, atau pun berlaku atas Libau yang memperoleh tengkorak manusia pertamanya. Kita dapati pertukaran nama asal seorang kepada nama samaran seperti ini merupakan satu daripada amalan orang Dayak yang percaya bahawa sama ada orang yang berkenaan dapat mengelakkan sesuatu bahaya sebagaimana yang dilakukan oleh Lochen, atau pun melambangkan kekuatan dan keberanian sebagaimana yang berlaku atas Libau.

Kedua, nama “Rentap” hanya merupakan lambang kepada semangat juang yang tiada penghujung bagi seorang wira Dayak. Perjuangan Lochen (Rentap) menentang musuh sebagai contoh dalam TVLR diganti oleh anaknya “Rentap” juga. Semasa Rentap yang kedua ini dibunuh oleh musuh ketatnya, Siar, anak yang satu lagi, iaitu Siopoi telah membunuh Siar dengan lastik ajaibnya. Setelah Siopoi menjadi ketua orang Dayak, pada suatu malam, Rentap dan Isal kunjunginya dalam mimpi. Dalam mimpi itu Rentap memberitahunya bahawa pada suatu hari dia akan kembali ke bumi sekali lagi. Unsur mimpi sedemikian jelas membayangkan bahawa perjuangan Rentap menentang musuh adalah tiada penghujungnya. Dengan kata lain, kemunculan Libau dalam kepercayaan pendukung legenda Rentap ini merupakan kembalinya Rentap menentang musuh orang Dayak, iaitu penjajahan Brooke di Sarawak. Dengan kata lain, legenda ini pada keseluruhannya membayangkan sesuatu penaklukan itu akan ditentang. Dan penentangan atas penaklukan itu akan diketuai seorang wira, wira yang dimaksudkan di sini tidak lain dan tidak bukan ialah Rentap – lambang perjuangan yang berterusan untuk orang Dayak di Sarawak.

NOTA

- ¹ Reece (2004: 46) menyebut Libau sebagai Rentap atau Rentap Tanah yang dalam bahasa Inggeris bermaksud *earth tremor*.
- ² Sungai Sekrang (Skrang, Sakarran) ialah anak sungai Sungai Batang Lupar dan Sungai Saribas yang mengalir masuk ke arah laut, terletak dua belas batu di utara muara Batang Lupar (Irwin 1986:103).
- ³ Ekspedisi *ngayau* atau mengait kepala manusia merupakan satu adat secara turun temurun oleh suku peribumi di Borneo. Evans (1990: 186) mencatatkan bahawa *the reasons for head-hunting among Bornean tribes in general seem to have been threefold: firstly, the practice was not without religious significance; secondly, it was considered a sport and the heads regarded as trophies; and thirdly, among some tribes no youth was considered fit to rank as a man until he had obtained a head, the women*

- taunting those who had been unsuccessful as cowards.* Miller (1946: 121) mencatatkan bahawa *to the Dayak, a dried skull is the most powerful magic in the world.* Charles Brooke sendiri pernah mengatakan, “*My feeling was from the first an intense interest in the people, and I could not severely blame them for head-hunting. It was an old established custom of their forefathers, and they considered it their duty to maintain it.*”
- 4 Charles Anthoni Johnson tiba di Sarawak pada 1852 atas undangan James Brooke, pak ciknya. Beliau kemudian menggantikan James Brooke dan menjadi Raja Putih kedua Sarawak (Baring-Gould & Bampfylde, 2007: 166-167).
 - 5 Orang Melayu di Sarawak terdiri daripada Orang Laut yang telah bertapak di Borneo sejak pertengahan abad kelapan belas lagi. Apabila mereka sampai di barat laut Borneo, mereka mula bergabung dengan pelbagai kelompok Dayak di situ. Orang Laut inilah yang melatih orang Dayak teknik peperangan cara lanun (Irwin 1986: 103).
 - 6 Gunung Singai terletak di daerah Bau, Sarawak.

RUJUKAN

- Baring-Gould, S. & Bampfylde, C.A. 2007. *A history of Sarawak under its two White Rajahs 1839-1908.* Kuala Lumpur: Synergy Media.
- Chang Pat Foh. 2002. *History of Bidayuh in Kuching Division, Sarawak.* Kuching: The Sarawak Press Sdn. Bhd.
- Chang Pat Foh. 2006. *History of Iban settlements around Kuching City, Sarawak.* Kuching: The Sarawak Press Sdn. Bhd.
- Crisswell, C.N. 1978. *Rajah Charles Brooke: Monarch of all he surveyed.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Evans, I.H.N. 1990. *Among primitive peoples in Borneo.* Singapore: OUP.
- Hahn, E. 1953. *James Brooke of Sarawak.* London: Arthur Barker Ltd.
- Haji Buyong Adil. 1974. *Sejarah Sarawak.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Irwin, G. 1986. *Borneo Abad Kesembilan Belas.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka .
- Jacob, G.L. 1876. *The Raja of Sarawak.* London: Macmillan & Co.
- Keppel, H. 1846. *The expedition to Borneo of H.M.S. Dido.* London: Chapman and Hall.
- Reece, B. 2004. *The White Rajahs of Sarawak: A Borneo Dynasty.* Singapore: Archipelago Press.
- Rutter, O. 1986. *The pirate wind: Tales of the sea-robbers of Malaya.* Singapore: Oxford University Press.
- Sandin, B. 1967. *The Sea Dayaks of Borneo before White Rajah rule.* London: Macmillan.
- St. John, S. 1994. *The life of Sir James Brooke: Rajah of Sarawak.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tarling, N. 1982. *The Burthen, the risk, and the glory: A biography of Sir James Brooke.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tate, D.J.M. 1988. *Rajah Brooke's Borneo.* Hong Kong: John Nicholson Ltd.
- Templer, J.C. (ed.). 1853. *Private letters of Sir James Brooke, K.C.B. Rajah of Sarawak.* London: Richard Bentley.

LAMPIRAN 1

TEKS VERBATIM LEGENDA RENTAP

Informan: Leo Jan
Keturunan: Bidayuh
Umur: 21 tahun
Tempat asal: Bau, Sarawak
Tarikh Merakam: 13 Disember 2000

(Pencerita asal: Cosmas Rukong
Umur: 89 tahun
Kampung: Singai, Bau, Sarawak
Keturunan: Bidayuh)

Catatan: Informan memberitahu bahawa setiap kali dia pergi ke rumah datuknya makan malam, datuknya iaitu Cosmas Rukong akan menyampaikan kisah Rentap kepadanya. Cerita lengkap berkenaan Rentap diceritakan sepanjang beberapa malam. Atas sebab cerita ini banyak kali diulang-ulang diceritakan oleh datuknya maka dia pun ingat akan semua cerita berkenaan legenda Rentap.

Cerita ini saya dengar daripada datuk saya sendiri. Ceritanya adalah tentang em... pada suatu masa dahulu ada seorang lelaki ni yang... ah, orang panggil sebagai Siar. Dia ada ilmu, dia adalah kiranya dukun di negeri saya... di Singai (Segmen 1).

Dulu orang Singai, ah... Singai itu besar, di mana Siar ini ada seorang anak yang dia tidak jaga baik-baik, anaknya pada waktu umur 22 tahun, dia punya badan... tidak terjaga; jerawatnya dari hujung kaki sampai ke hujung kepala. Jadi, kehidupan dia sebagai seorang anak kepada Siar ini agak teruk, dia tidak diberi makanan yang baik dan sebenarnya makanan dia setiap hari adalah kayu-kayan hutan (Segmen 2).

Jadi, ada suatu hari ni, Siar ni memang tidak tahu macam mana hendak lari daripada anaknya ni, namanya "Sialu". Sialu ni adalah anak kepada Siar tidak berapa suka tinggal dengan Siar, bapanya. Kenapa? Sebab dia apabila tengok anak-anak orang lain, yang mana makan cukup, tempat tinggal pun selesa, kasih sayang pun ada, dia agak keliru kerana ayahnya sendiri... Jadi dia lari dari kampung, dan naik ke Gunung Singai (Segmen 3).

Gunung Singai ini adalah sebuah gunung, yang pada dahulunya adalah satu gunung yang jarang orang pergi, sebab tinggal di atas gunung itu ada seorang jin atau dalam bahasa Bidayuh, dia adalah Munuo Jaat. Munuo Jaat adalah dalam bahasa Bidayuh maksudnya "Raja Segala Kuasa Jahat". (Segmen 4)

Jadi, dia lari ke gunung itu tapi bukan bersama... jin jahat tu tapi dia tinggal di kaki gunung. Tapi jin itu tak dapat 'attack' dia. Em... Sialu ni dia pergi, dia tinggal di bawah kaki gunung itu, dia tidak berani pergi atas, dan bapa dia Siar ni tidak tahu mana anaknya pergi, dan em... em... Sialu ni dia pergi tinggal di bawah kaki gunung yang mana pada suatu hari dia terserempak dengan Munuo Jaat. Munuo Jaat dalam perjalanannya pada waktu itu untuk

menangkap manusia, dia tak makan nasi, dia tak makan apa, dia makan manusia. Dan satu hari dia berjumpa Sialu ni yang begitu jijik rupanya sampai dia sendiri pun tak nak makan Sialu ini. (Segmen 5)

Kerja Munuo Jaat ni adalah... dia sebenarnya seorang manusia biasa tetapi dia... mencipta banyak-banyak hantu yang lain untuk mendapatkan makanan baginya. Munuo Jaat bertemu dengan Sialu. Munuo Jaat bertanya Sialu, "Kamu ni anak siapa?" Sialu ni sebagai budak yang pendiam, jadi dia memang tidak, tak pernah bercakap dengan sesiapa pun kecuali cakap dengan dirinya sendiri. (Segmen 6)

Jadi, si Munuo Jaat ni tengok Sialu ni sebagai seorang manusia yang lain ... bagaimana ... dia tidak tahu macam mana hendak berkomunikasi dengan Sialu ni sedangkan dia tidak pernah cakap, dan seolah-olah bisu. Jadi, si Munuo Jaat ni dia ambil Sialu untuk kerja dengan dia, dia jaga Sialu baik-baik, dia bagi apa Sialu hendak... bukan... Sialu tak minta tapi dia bagi tempat seolah-olah apa yang Sialu mimpikan selama ini. (Segmen 7)

Jadi, apabila Sialu ni seolah-olah terpujuk dengan apa yang diberi oleh Munuo Jaat. Sebagai seorang manusia biasa biarpun jerawatnya dari hujung kaki sampai hujung kepala, dia masih boleh bercerita dengan Munuo Jaat seolah-olah dia bercerita dengan seorang bapa, dan dia beritahu Munuo Jaat ni apa yang dia pernah alami dengan Siar, iaitu bapanya sendiri. Dan daripada sini, Munuo Jaat dia sebenarnya adalah musuh lama dengan Siar yang di mana kedua-duanya adalah penakluk kampung. (Segmen 8)

Kampung Singai ini muncul daripada penaklukan, em... Siar. Siar ini adalah kiranya ketua kampung tetapi dia memerintah dengan agak kejam di mana kebanyakan penduduk yang tinggal dalam kampung itu lari ke kampung sebelah, Kampung Subur. Sebab tidak suka dengan cara dia yang asyik mengambil kesempatan terhadap orang lain. (Segmen 9)

Pada suatu hari, Siar dengan Munuo Jaat ni bertemu lagi dengan seorang penjelajah dari ah... em... Kampung Subur. Kampung Subur ni tak jauh dari Kampung Sinibung. Sebenarnya dia adalah dalam satu daerah yang besar Singghai, belum lagi Kampung Jangoi. (Segmen 10)

Nama dia adalah... Lochen. Lochen ini adalah seorang penjelajah dan seorang yang pakar dari strategi peperangan. Dia kalau berperang, dia pernah, em... berperang dengan musuh kepada ahli keluarga dia. Dan kebanyakan musuh-musuh yang pernah dia... hadapi adalah musuh yang di mana kepalanya dipotong selepas dibunuh dan di bawa pulang sebagai tanda kemenangan yang di mana daripada sini... ini adalah untuk menjaga apa ni. (Segmen 11)

Dia biasanya menyimpan kepala-kepala ini sebagai ramuan penambahan kekuatan dia, jadi tanpa kepala-kepala ni selepas dibunuh orangnya atau musuhnya, dia akan dianggap pahlawan yang muram dan dia pun sendiri takkan berlawan lagi. Kebanyakan orang daripada kampung dia yang juga pahlawan amalkan permainan ni sebab itu adanya konsep pemotongan kepala di Sarawak dulu. Dan Sarawak pun terkenal dengan istilah "Land of Head Hunters". Jadi, daripada sini... dulu Iban dan Bidayuh ni tak ada nama. (Segmen 12)

Jadi... Sialu ni banyak dengar cerita daripada kampung sebelah... Kampung Attas. Kampung Attas ni penduduknya adalah daripada golongan yang... banyak berniaga di Kampung Sigor atau asal usul... Lochen. Jadi, dia dengar cerita tentang Lochen, dia... bertemu dengan Lochen di sebuah pekan kecil di... Bau juga. Dia terjumpa dan dia... dia bersama dengan Munuo Jaat

yang pada waktu itu menjelma sebagai seorang manusia dan berlagak seolah-olah seorang bapa kepada dia. (Segmen 13)

Pada waktu itu Lochen dengan isteri dia tengah membeli barang di pekan. Dia orang jalan-jalan mencari makanan seperti biasa tetapi entah, pada waktu yang di mana... Munuo Jaat lihat Lochen, dia dengan segera memberi isyarat kepada Sialu dan sebagai... tindakan itu dia orang kira hendak tangkap si... Lochen ini untuk dibawa pulang dan hendak tukar Lochen ni sepertimana hantu-hantu yang lain sebab dia mempunyai strategi peperangan yang hebat. (Segmen 14)

Contoh-contoh strategi peperangan yang hebat? Sebenarnya Lochen yang saya cakap itu ialah badan yang begitu kental, tingginya em... tingginya ia agak besar jikalau dia hendak menangkap ikan, biasanya orang tangkap ikan pakai jala atau pun bubu, tetapi dia tidak. Dia akan selam, ia akan selam satu hari, waktu pagi subuh dan dia akan keluar daripada air petang. Petang hujung hari di mana dia tangkap ikan dan simpan di tepi. (Segmen 15)

Dia akan tangkap di mana-mana lubang dan ikat pukal lepas itu, dia akan cari ikan-ikan yang lain, dan dia adalah seorang peniaga juga. Pada keesokan hari, dia akan keluarkan ikan-ikan yang dia sudah tangkap. Itulah keistimewaan yang diketahui ramai dan sebagai pahlawan dia banyak simpan kepala di dalam rumahnya, dibarutnya sendiri. Daripada sini kedua-dua pihak Sialu dan... Munuo Jaat telah merancang untuk menangkap Lochen. Macam mana dia orang nak tangkap sedangkan ramai orang di pasar. Kalau di pasar di Bau tempat saya, pasar itu kecil macam bukan pasarlah em... dengan kuasa yang ada pada Munuo Jaat dia telah menangkap Lochen dan membawa Sialu sekali... ke tempat gunung itu. (Segmen 16)

Dia orang tinggal di puncak Gunung Singai di mana dia membawa, dia memanggil turun segala jin-jin yang dia telah cipta, hantu yang telah dia cipta. Sebenarnya kalau apa yang saya dengar daripada datuk saya dahulu ada 50 jin-jin yang terkenal tetapi dia dapat namakan cuma 3, ah... Munuo Kasar, Munuo Nakar dan Munuo Jiar. Ini semuanya adalah... yang menjadi ketua-ketua kepada yang lain dan tiga-tiga inilah ada elemen-elemen yang kira paling kuat. (Segmen 17)

Kalau dalam Iban, dia orang adalah tuhan-tuhan dia, Sinang Burunglah...semua itu. Tapi, ini nampak fizikal dia... sebenarnya macam mana rupa hantu-hantu yang dicipta oleh Munuo Jaat ini tak siapa yang tahu. Datuk saya dia dengar daripada orang Kampung Attas... kebanyakan ceritanya adalah dari Kampung Attas... Hantu-hantu yang dia gambarkan di sini adalah bukannya bermulut, bukannya bermata tapi rupa hantu-hantu ini adalah seperti kain buruk. Kain buruk warna kelabu. Dikira buruk tapi keupayaan dia adalah kira tinggi di mana... dalam menyerang manusia untuk cari makan, dia orang akan terbang seolah-olah angin ribut dan pernah sekali dulu ada beberapa orang ingin cuba untuk membunuh hantu-hantu yang di gunung ini dengan cara primitif, iaitu dengan bawa parang tetapi semuanya tak pernah sampai. Tidak pernah ada seorang yang dapat membunuh hantu-hantu yang dicipta oleh Munuo Jaat. (Segmen 18)

Cara dia makan musuh dia senang, dia terbang saja. Apabila dia melintasi badan seseorang manusia, badannya berlubang, daripada sana dia terus makan daging manusia. Sebenarnya Munuo Jaat ni ada sejumlah tentera hantu-hantu

yang memainkan peranan untuk mencari makan di sekitar gunung, makanan dia adalah daging manusia sendiri. (Segmen 19)

Akhirnya dia orang berjaya menculik Lochen dan memusnahkan fizikal, dan jadikan dia salah satu daripada jin-jin yang terkenal. Sekarang ni angkatan dia untuk Munuo Jaat adalah satu angkatan yang kira kuat dan cukup untuk membunuh Siar. Jadi pada suatu hari, Sialu ni anak kepada Siar, dia terfikir akan bapa dia yang lama sudah dia tinggalkan di kampung, Kampung Sinibung. Sebuah kampung di daerah Singai. (Segmen 20)

Jadi dia meminta supaya... Munuo Jaat memusnahkan bapanya di kampung, tapi dia tidak tahu macam mana. Munuo Jaat ada seorang kawan di... di Attas. Kedudukan dia adalah... nak kata dia dewa tak juga. Tapi saya tak tahu macam mana hendak kategorikan dia ini. Dalam peperangan dia biasanya akan gunakan buaya, di mana buaya-buaya yang dia guna semuanya bukan dari... apa, dari sungai tapi dari langit. Buaya-buaya dalam setiap kali dia berperang dan atau apa-apa senjata yang dia guna, dia akan membaca sesuatu di mana daripada sini akan munculnya buaya bukannya di depan. Katakan musuh berdiri di atas tanah, buaya itu akan menyerang dari atas dan biasanya buaya-buaya ini adalah dia bawa bersama, kadang-kadang dalam peperangan untuk memusnahkan musuh-musuh dia. Dan dia ini kawan baik kepada Munuo Jaat sebab kedua-dua pun hantu juga. (Segmen 21)

Daripada sini, dia ajak sekali dan mempunyai satu angkatan yang kuat dan seterusnya... pergi ke tempat... Siar di Kampung Sinibung. Anak dia balik. Pada mulanya Sialu berbaik-baik dengan bapanya. Siar tidak kisah tentang apa yang anak dia buat, apa yang telah dia buat selama itu di tempat orang. Cuma dia tanyalah apa-apa yang dia buat selama dia tidak ada di rumah tapi seperti biasa Sialu pun tidak akan beritahu bapa dia cuma hendak tengok balik keadaan yang dia tinggalkan dulu sama ke tidak supaya dia boleh aturkan, supaya dia boleh fikirilah dengan yang lain itu, macam manalah dia hendak bunuh ahli sihir ni sebab dia punya bapa punya kebolehan. (Segmen 22)

Jadi, diapun balik dan bercerita panjang dengan Munuo Jaat dan kawannya itu dari Kampung Attas. Nama dia... Paka. Paka ni yang menyerang pakai buayalah. Dan suatu hari, Siar ni bapa kepada Sialu, dia jalan-jalan di sekitar kampung, dia juga ada kawan sebenarnya, dia bukan tinggal seorang. Kawan-kawan dia ada dengar cerita dari Kampung Attas, kebanyakan cerita semua dari Kampung Attas. Dia dengar dari kawan dia yang... di mana yang dia selalu juga jumpa di pekan Bau. (Segmen 23)

Dia cerita dengan Siar, "Siar, lu punya anak sudah ada kawan lain. Adakah?" "Mana ada kawan, dia memang macam tu, cacat. Mana ada kawan?" Dan kawan dia cerita segala apa yang dia tahu tentang kedudukan anak dia sekarang. Bapanya geramlah sebab anak dia rupa-rupanya berkawan dengan musuh...musuh dia. Saya (pencerita) tanya datuk saya, kenapa dia orang ini bermusuhan sebab kerana ingin merebut tanah, tanah jajahan... Singghai. Tapi, dulu orang bukannya nak jajah satu-satunya tanah mesti ada kuasa, bukan dari segi bercakap. (Segmen 24)

Jadi, yang menang pada waktu itu adalah yang tinggal dari gunung itu, Munuo Jaat. Ha... jadi kiranya mahu balas dendamlah. Kalau boleh dia mahu bunuh dia punya anak sendirilah. Jadi, dia pun terbang menjelma seekor burung, burung kenyalang ha... dan terus terbang singgah di kaki gunung mahu mencari dia punya anak. Apabila dia sampai di sana dia terus apa... Sialu

dengan Lochen dengan Paka dengan Munuo Jaat sekali, dia orang tengok dan terus apa... dia orang di atas tu. (Segmen 25)

Tapi, waktu dalam perjalanan Siar ni sebagai seekor burung mahu naik gunung terbang *slow-slow* tapi belum sempat sudah kena serang oleh ratusan... jin tentera si Munuo Jaat ni. Daripada sini dia memang sudah takutlah, sebab dari atas gunung hijau itu tiba-tiba hitam saja. Jadi, dia boleh nampaklah pergerakan hantu-hantu itu dalam gerak laju jugak tu, memang orang cakap kalau kelajuan itu memang lajulah. (Segmen 26)

Jadi... yang si burung ni... yang Siar ni, dia tengok peristiwa berlaku ini dia terus kibaskan sekali sayap dia, lepas itu dia buka balik, dia tutup sayap dia kan, dia buka, dia boleh keluar itu bah... panah. Panah itu biasanya untuk membunuh hantu-hantu. Berdasarkan kepada apa yang kita tahu adalah menggunakan panah berapi; sekali dia tutup dan buka sayap dia keluar panah-panah itu. (Segmen 27)

Dalam panah-panah dia keluarkan itu biasanya berbisa... sekali dia kibarkan sayap-sayap itu banyak panah keluar ratusan di mana ada jugalah jin-jin yang berupa kain yang kotor itu rosak kena panah cuma dengan sekali berserang tapi ada juga yang *survive*, tampok-tampok dan akhirnya kan, sebenarnya kebanyakan... dia punya jin dibunuh dengan panah berapi kibar. (Segmen 28)

Ada kebanyakan yang turun itu memang tidak dapat serang dialah. Sebab ini biarpun dia seorang, dia boleh menyerang dari mana-mana bahagian... hantu yang datang menyerang diapun macam seolah-olah tidak tercapai badannya itu. Sebab serangannya juga memang jarak jauh. Oleh kerana kebanyakan yang cedera waktu itu, Munuo Nakarlah yang tinggal. (Segmen 29)

Munuo Jaat akhirnya mati sebab dia pun terkena juga... salah satu daripada panah api si Siar ni. Jadi Sialu ini pun ikut sekali berperanglah dan Sialu ni pun akhirnya mati jugalah di tangan bapanya sendiri akibat panah dia yang memang tidak tentu arah tu. Yang berjaya melarikan diri cumalah si Lochen yang akhirnya melarikan diri dan terus ke kampung sebelah, Kampung Jagoi. (Segmen 30)

Kampung Jagoi ni bukan dalam daerah Singai. Dia lari jauh dan menjelma sebagai seorang manusia. Si Siar ni tak kenal Lochen, tidak kenal Lochen siapa... yang tinggal Lochen dan Paka. Paka yang berperang pakai apa... buaya tu kan... diapun lari. Kedua-duanya lari lintang-pukang. Si Paka dia balik Kampung Attas, si Lochen ini dia lari ke Jagoi. Dia tidak tahu mana mahu balik kerana dia sendiri pun sudah tidak tahu mana asal usul dia. Apa yang dia tahu dari Munuo Jaat sahaja. Munuo Jaat pun sudah mati, Sialu mati, hantu-hantu yang lain jin-jin rekaan dia semua hilang selepas peperangan. (Segmen 31)

Kalau dulu kan, ada satu cerita yang ada kaitan dengan itu. Orang panggil sebagai Jubsowa. Jubsowa ini adalah, "Jub" maksudnya tujuh, "Sowa" itu takut. Dalam cerita itu ada cerita macam mana tentang peperangan tetapi kalau digambarkan panjanglah dan peperangan itu tujuh tahun bah... di *Mount* Singai. Ada jugalah kesan-kesan dia sikit-sikit saya tengok. Ada kesan dia. Kalau pada waktu ni tempat yang paling suci di mana ada sebuah gereja di atas tu sekarang. Tapi dulu, sebenarnya tempat itulah yang paling orang tidak mahu naik sebab ada banyak cerita. Kesannya dari segi pokok-pokok yang kebanyakannya... renek-renek, macam tidak ada pokok yang tinggi-tinggi. Ada juga tahu akan cerita tentang peperangan itu. (Segmen 32)

Tujuh tahun peperangan itu. Akhirnya dua orang ini, bukan dua orang, dua hantu ini, Paka dan si Lochen ini akhirnya dapat jugalah lari dan peperangan itu. Si Lochen ini dia masuk Kampung Jagoi, dan dengan kuasanya dia muncul menjelma sebagai seorang manusia tapi dia guna nama lain, dia guna nama Rentap. (Segmen 33)

Dia akhirnya berkahwin dengan seorang perempuan, namanya Sendap, ketua anak Kampung Jagoi dan melahirkan seorang anak. Anak dia ini namanya Rentap juga. Di dalam kampung itu, dia ada banyak kawan. Dia... kebanyakan kawan-kawan yang dia kenal tu adalah daripada golongan yang baik-baik yang dia boleh berkomunikasi. (Segmen 34)

Akhirnya sebagai seorang manusia biasa, dia mahu cari kawan bah.... Jadi, selepas dia berkahwin dengan si Sendap dan... punya seorang anak dinamakan sebagai Rentap. Lagipun anaknya itu memang macam dia juga... Ciri-ciri kepahlawanan dia ajar waktu itu macam mana untuk berperang, terutamanya dengan musuh-musuh supaya boleh melindungi tiap-tiap keluarga dan kampung. Dia ada banyak kawan yang dia seolah-olah berpengaruh sebab dia ni pun bijak jugak. Orang-orang kampung tengok dia pun kadang-kadang lepak-lepak dengan orang. (Segmen 35)

Jadi, ada suatu hari yang... si Siar ni dapat tahu hah... daripada apa yang dia dengar daripada kawan dia tu... dari Kampung Attas yang dia jumpa sewaktu dia cerita tentang anaknya Sialu ni kawan dengan Munuo Jaat. Jadi, dia tanya lagi tentang Lochen, tentang dua ekor hantu yang telah melarikan diri. Dia ada dengar banyak juga cerita tentang Lochen. Sebab Lochen ni dari Kampung Attas, orang kuat... dulu. Tapi, entah macam mana ditangkap dan dijadikan sebagai salah seorang di bawah jagaan si Munuo Jaat. Sebab si Siar tidak sehebat apa yang ada pada si Lochen ni, jadi dia mahu takluk kampung sebelah pula, Kampung Jagoi. Di mana Kampung Jagoi dan Singai ini adalah satu daerah. Di mana dalam daerah ini banyak kampung. (Segmen 36)

Dia mahu takluk daerah Jagoi... di Bau juga. Bau ini ada banyak daerah dan yang paling *famous* adalah Jagoi dan Singai. Dia mahu takluk daerah Jagoi di mana dia mahu carilah mana si Lochen ini. Jadi, dia mahu lawat rumah panjang di kampung-kampung itu.... Satu hari, si Siar ni dia dari kampungnya sendiri dan terbang lagi sebagai burung kenyalang... dia dari udara, dia tengok dari ataslah.... di mana si Lochen berada. (Segmen 37)

Dia sendiri pun tidak tahu bagaimana muka si Lochen ni. Sebab dia sendiri pun tidak pernah nampak sebab selama ni si Lochen adalah sehelai kain kotor, dan akhirnya menjelma sebagai seorang manusia biasa. Jadi, daripada sini dia terbang dan apabila dia turun ke tanah...berdasarkan dari datuk saya, dia muncul sebagai manusia biasa dan jalan-jalan cari, tapi dia tidak tahu macam mana tu bah... macam mana mahu bunuh si Lochen ini. Akhirnya dia dengar satu pendapat yang dia fikir boleh bunuh si Lochen ini. Sana, ada banyak rumah panjang dalam setiap kampung dalam daerah Jagoi itu. Jadi, alang-alang dia mahu bunuh semualah. (Segmen 38)

Ah..., Lo... Lo... Lochen dia apa masuk ke satu kampung akhirnya. Yang di mana kampung itu di dalam sekitar kawasan Bijagoi. Bi maksudnya bangsa, Jagoi tak kira satu kawasan. Jagoi ,bangsa Jagoi di mana dialeknya berbeza jugalah. Dan Lochen masuk ke kampung itu ah... dalam daerah Sarikei di mana dia menjelma sebagai seorang manusia berdasarkan apa yang kita pernah lahir dan em... yang bernama Rentap. Dia muncul sebagai seorang manusia yang

bernama Rentap akhirnya. Dan bertemu dengan seorang gadis cantik di kampung itu dan akhirnya berkahwin dan juga manamai anaknya Rentap juga. (Segmen 39)

Em... Siar pun apa dia, Siar ini yang musuh ah... kepada Lochen yang waktu dia orang berperang dulu pun tahu jugalah akan kehadiran, akan kehadiran Rentap ah... yang sebenarnya adalah Lochen dan em... dia pun tahu sekarang kedudukan Lochen di kampung itu tetapi dia tidak tahu di mana ah... salah spesifik dan salah sudut di mana di satu tempatlah. Jadi, kiranya dia ingin menghapuskan musuhnya itu, dia suka menonjolkan kuasa ilmu sihir dia dan em... kiranya dia ingin menghapuskan musuh itu tetapi susah baginya adalah dia tidak pasti di mana kedudukannya. So, dia dengan kuasanya ingin apa untuk membunuh semua yang pandai di daerah itu, ya malam-malam. Dengan hanya menyebut nama si roh yang memiliki setiap anggota badan orang di kampung itu. Hanya dengan menyebut sahaja orang itu boleh mati. Ia ada kuasa sumbangan itu dan dia pun terus menjelma sebagai seekor burung Kenyalang balik dan akhirnya di mana dia menjelajah ke kawasan itu sebagai seekor burung Kenyalang. Dan pernah sekali ada sebuah rumah panjang yang di mana di kawasan itu yang dilintasinya di mana setiap pintu yang dia lalu yang dia lintas, dia sebut nama penghuni di setiap pintu dan setelah sahaja melintasi setiap pintu itu dari N to M rumah panjang itu, kebanyakan yang dia sebut nama setiap penghuni dalam rumah itu mati. (Segmen 40)

Ya. Em... akhirnya Siar pun, akhirnya Siar pun dapat juga bersua kembali dengan Lochen di mana pada ketika itu Lochen bersama dengan isterinya mencari sayuran liar di hutan dan em... apabila Lochen bersua kembali dengan Siar, terus dia kembali bertukar kepada Lochen yang keadaan badannya yang hodoh yang saya sebut dulu ialah dia muncul sebagai hantu yang dalam bentuk apa kain kotor. Tapi kini dia berubah bentuk lain lagi yang di mana dia kembali muncul sebagai hantu dan isterinya terkejut lalu meninggal, lalu meninggal dunia dan em... daripada sini pertelingkahan pun berlaku antara Lochen dan Siar ah. Kemudian akhirnya Lochen pun mati dibakar tiada abunya, isterinya mati dicincang tiada dagingnya, kemas kini, tiada kesan selepas pembunuhan, ah... tiada kesan. (Segmen 41)

Pada masa itu, Rentap pun, em... Rentap anak kepada Lochen maksud saya, ah... sedang bermain di hutan dengan kawan-kawan semut ah..., monyet dalam hutan. Monyet Katan sini ialah kawan di rimba ah. Dalam perjalanan pulang daripada bermain, dia diberhentikan oleh seekor burung kenyalang yang apa cantik bulunya. Ini burung kenyalang lain yang menjelma sebagai seorang manusia bernama Isal. Isal, dan Isal ini dia memberitahu akan kemusnahan yang dilakukan oleh Siar dan pembunuhan kedua-dua mak bapanya. Rentap pun apabila dia mendengar cerita ini, dia sedih lalu dibawa oleh Isal balik ke kampung di bahagian Sri Aman. (Segmen 42)

Sri Aman yang sekarang ini yang pada dahulu dipanggil Semangga dan dibesarkan di sana. Terdapat sebuah rumah panjang di Kampung Sepauh yang di mana tuai rumah kepada kampung itu adalah Kiwiu. Kiwiu ada berkahwin dengan seorang gadis di kampung itu yang bernama Disun. Kiwiu, isterinya Disun ah... dia orang selepas berkahwin tiada anak. So, daripada sini pernah sekali suatu hari Disun dia bermimpi sewaktu tidur dan dalam mimpinya dia berjumpa dengan Isal. Isal ini yang burung yang menjelma sebagai seorang manusia. So, daripada sini dalam mimpi itu, dia... dia ah memberitahu Disun

yang dia akan ada seorang anak nanti. Anak dia ini em... bukan dari rahimnya sendiri tetapi dia ah... dalam mimpi itu kiranya menyuruh Disun sendiri untuk pergi ambil anaknya itu. (Segmen 43)

Anaknya itu ah... diletakkan dalam mulut seekor buaya putih yang besar dan buaya putih akan membuka mulut hanya kepada dia dan dia hanya ke sana untuk mengambil anak itu sahaja. Dan dia jamin yang apa yang dia punya... dia punya nyawa tidak diambil. Kalau orang lain yang mengambil, orang itulah yang akan kehilangan nyawanya. Ah... Disun pun dia ada bagi... bagi suruh turun ke sungai itu, Sungai Batang Lupar yang pada sekarang orang cagak banyak buaya. Daripada sini, dia turun ke ah tebing sungai yang terdekat dan muncul buaya itu yang orang ah... panggil sebagai Bujang Senang. Bujang Senang ini ah... *character*nya biasanya baik di Sarawak dan apa Bujang Senang yang muncul ke tebing dan membuka mulut hanya kepada dia. Dan mengambil Rentap yang masih kecil yang pada waktu tidur daripada mulut. Jadi, dia terus mengambil Rentap dan membawa Rentap pulang. (Segmen 44)

Dan apabila sampai di kampung, dia beritahu semua ini kepada suaminya Kiwiu. Dan ah... daripada itu, dia dengan Kiwiu serta seluruh ahli keluarga yang lain menganggap Rentap ini sebagai anak sendiri. Makan pun setaraf, ah... tidur di ruang tamu pun setaraf macam seolah-olah anak sendiri. Em... dan em... Siar yang musuh kepada Lochen dan akhirnya dia berjaya membunuhlah Rentap ini yang bapa kepada Rentap seorang ini. Jadi, Siar pun terlupa akan anaknya Rentap yang kecil dan dia pun cukup berpuas hati setelah mengalahkan musuhnya. Ini Rentap pun yang apa ..., dihantar atau diutus oleh Isal kepada Kiwiu dan isterinya Disun. Em... dibesarkan di sebuah kampung yang aman bersama dengan kawan-kawannya yang lain sekitar Kampung Sepauh bersama keluarga rumah itulah yang saya cagak tadi. Ah... sehinggalah akhirnya, dia dilantik sebagai tuai rumah menggantikan bapanya di rumah panjangnya sendiri. Di mana ah... Rentap ini, dia diajar Kuntau. Kuntau ini ialah satu silat tradisional ah... kaum Iban dan kaum Bidayuh. Yang di mana daripada sini, segala ilmu diturunkan oleh bapanya Kiwiu kepada Rentap termasuk ah... pembelaan diri dan ilmu kebal. Daripada sini dia belajar banyak pendidikan. Pendek katanya di sini kan, dia ajar untuk menjadi seorang pahlawan dan pembela rumah panjangnya seperti raja dalam negeri. (Segmen 45)

Rumah panjang itu seolah-olah negeri baginya. Dan dia juga seorang tuai rumah yang adil dan berkaliber. Orang dalam rumah panjang itu sesungguhnya taat setia kepadanya sehinggalah rela mati dalam apa-apa bentuk perbidangan. Kerana ini, Rentap disegani ramai dan dia pun mempunyai ramai kawan. Rentap adanya seorang ah... anak. Anak namanya Siopoi. Siopoi ini ah... dia memperolehi anak bernama Siopoi setelah berkahwin dengan seorang gadis manawan bernama Genjuim. (Segmen 46)

Dan pernah satu malam Rentap bermimpi, bermimpi akan ayahnya dan ibunya yang mati dibunuh oleh Siar. Dan dalam mimpi itu, dia melihat bagaimana ayahnya dan ibunya dibunuh dan muncul, dengan muncul kembali ke dalam mimpi itu ialah Isal. Ah... burung kenyalang tu tadi yang membawanya ke tempat dia sekarang di Kampung Sepauh. Dalam mimpi itu, Isal dengannya bercakap seolah-olah dalam alam sebenar tapi cuma dalam mimpi sahaja sebenarnya. Dan apabila Rentap bangun dari mimpinya, dia bersiap sedia untuk berangkat. (Segmen 47)

Isterinya terkejut dan kelakuannya pun berubah. Jadi, ah... isterinya terkejut dengan kelakuan suaminya yang bertukar dan nenek muka yang bertukar. Nenek muka yang sedialah maksud saya. Isterinya pun bertanya dan Rentap pun menceritakan mimpinya itu kepada isterinya dan akhirnya kepada semua penghuni di rumah panjang itu. Kebanyakan kaum lelaki dan perempuan bersama pun ingin mengikut Rentap dalam perjuangan yang menentang Siar akhirnya kerana taat setia yang tiada terhingga termasuk anaknya Siopoi yang masih bujang di kampung. (Segmen 48)

Di kampung, Siopoi adalah kiranya seorang lastik terhebat. Ya, kerja dia waktu dia ya... dalam kepahlawanan dia memang lastik terhebat di kampung itu. Dan em... dia pun ingin mengikut ayahnya berjuang dan akhirnya dia pun berjaya memujuklah. Sebenarnya, ayahnya tidak mahu dia ikut. Tapi, oleh kerana apa... kesungguhan anaknya itu, jadi dia pun kira membiarkan sahajalah sebagai pensayang kepada anaknya itu Siopoi. Ah... dan dia diikuti bersama dengan ratusan yang lain menjelajah balik ke tempat Siar iaitu di Gunung Singghai. Dari Sri Aman, berhijrah dari Sri Aman pergi ke kampung ah... ke... ke daerah Bau, ke Gunung Singghai balik dan meninggalkan isterinya di kampung dengan harapan akan kejayaan untuk membawa pulang kepala Siar ini. (Segmen 49)

Di mana em... Siopoi, Siopoi biasanya anak kepada Rentap ini ah... memburu biasanya dengan hanya menggunakan lastik dan yang diburunya kadang-kadang kelawar di gua, rusa dan babi di hutan hanya dengan menggunakan lastik. Oleh sebab itu, dia dikatakan mempunyai kelebihan yang jarang yang ada pada yang lain. Memburu hanya menggunakan lastik. Ayahnya pun menceritakan keinginannya untuk membawa pulang kepala Siar ah... dan mengembalikan Bau daripada kuasa, daripada dikuasai oleh Siar yang hanya mementingkan dirinya sendiri dengan menguasai daerah Bau dengan kuasanya. Sebenarnya, Siar ini dia menjajah Bau, penjajahannya em... adalah dengan kuasanya yang ada pada dirinya sendiri dan em... membawa pulang kepala Siar ini adalah seolah-olah satu kejayaan bagi mereka. So, sebab itulah dia orang memang ingin untuk mendapatkan kepalanya. (Segmen 50)

Daerah Bau pada dahulunya adalah satu kawasan yang aman dan penduduknya bebas sehinggalah kemunculan Siar dengan kuasanya dan niatnya yang jahat untuk menjajah Bau. Ramai yang telah mati dibunuhnya dan em... dengan mudah termasuklah anaknya sendiri Sialu, ia ada anak seorang yang saya cakap tadi penjerawat dari hujung kaki sampai hujung kepala. Dia pun begitu kejam sehingga anak sendiri pun dia rela bunuh. Sebab memang dia... memang jenis yang kejam. Jadi, siapa-siapa yang datang untuk menentangnya pasti jatuh dan belum pernah ada yang berjaya yang menentang Siarnya. (Segmen 51)

Akhirnya, Rentap pun, akhirnya Rentap kali ini berjalan dan menyahut cabaran balik ke Gunung Singai. Dalam perjalanan balik ke sana, Siar telah terlebih dahulu tahu akan kedatangan mereka. Ah... Siar pun telah bersiap sedia untuk penyerangan itu. Setelah tiba Rentap meninggalkan Siopoi di belakang, anaknya di belakang bersama beberapa yang lain di sebuah gunung yang lain yang berdekatan dengan Gunung Singai, tempat perbalahan, tempat pergaduhan. Sebenarnya kan, Rentap tak mahu anaknya mati sewaktu bujang. Dia sungguh sayang kepada anaknya itu dan isterinya sekali. Jadi, dia sebenarnya menyuruh beberapa pengikutnya untuk menahan Siopoi di

belakang. Justeru itu, dia terus meninggalkanlah dia di belakang daripada mengikutnya. So, Siopoi ini marah dan sedih. Untuk... untuk itu, dia memang sedar akan ayahnya sayang kepadanya. Apabila Rentap em... dan pengikut-pengikutnya sampai di gunung, mereka terlebih dahulu diserang oleh Siar, terlebih awal diserang oleh Siar. Kali ini serangan Siar lain bentuknya. Siar dengan kuasanya menghimpunkan awan-awan di langit, awan hitam bertebal di udara dan menutup hampir keseluruhan kawasan gunung. Rentap dan pengikutnya hairan akan perubahan cuaca dan kebanyakan fikir mahu hujan, tapi lain. (Segmen 52)

Sebaliknya, kemudian terdengar guruh yang begitu nyaring, yang begitu nyaring sehingga menggegarkan bumi dan diikuti kilat-kilat yang menjalar menyentuh bumi. Daripada ini, ramai yang mati disambar kilat. Terdapat beberapa kawasan tanah yang merepah dan pecah seumpama gempa bumi. Ramai jatuh dan mati di dalam tanah. Inilah satu-satunya apa... peperangan yang aneh. Dia pun sebenarnya ni, datang menyerang Rentap dan apa... em... masih ada beberapa pengikut yang lain terus maju dan menyerang. Ramai terkorban dalam perjalanan naik di gunung. (Segmen 53)

Akhirnya Rentap sajalah yang apa... sampai dan berjaya dalam jaraknya yang terdekat dengan Siar. Rentap dengan kekebalannya dapat mematahkan sambaran kilat, tapi yang dia tidak dapat elak adalah ini...em... kilat baginya adalah seperti hanya pukulan kayu. Apabila bersemuka dengan Siar, dia terkenang kembali ayah dan ibunya dahulu. Terus dia menyerang Siar dan terus dia menyerang Siar dan ah... dengan parang Ilangnya. Parang Ilang, ini kira sejenis parang yang selalu digunakan dalam peperangan. Parang Ilangnya senjatanya pada masa itu cumalah Terabai. Terabai ini adalah perisai, perisai yang berbentuk em... .Ah... Terabai... Terabai dan parang Ilangnya yang terkenal dan dalam pertempuran itu. Akhirnya dia bunuh dengan racun maut yang terpasang, yang dipasangnya pada, yang dipasang oleh Siar itu em...pada jarum suntikan di mana racun maut ini ah... dilepaskan kepada Rentap sewaktu ingin menyerang Siar. Racun ini meresap masuk ke dalam tubuhnya dan terus mati. (Segmen 54)

Anaknya Siopoi dan beberapa yang lain di belakang di gunung sebelah menyaksikan peperangan dahsyat itu dari jarak jauh. Lalu semua yang ada di sana terus lari untuk... ah... terus lari untuk menyerang Siar di atas gunung itu. Maksud saya kawan-kawan em... Siopoi ini dan bersama dengannya. Perasaan sedih memang ada tapi kalau demi bangsa, musuh ini harus mereka hapuskan. Yang peliknya, Siopoi pada waktu itu tidak bergerak langsung kerana dia berasa sakit seperti yang dirasakan oleh bapanya tadi sewaktu ditikam dengan ratusan jarum racun maut. Dia pun sedar ayahnya sudah mati akhirnya. Sebab dia ada firasat yang seolah berhubung dengan ayahnya bersama kerana dia telah melihat dengan matanya sendiri akan kematiannya dan tahu bagaimana sakitnya. (Segmen 55)

Dia pun mengutip lastik dan batunya untuk pukul, menyerang, menuju ke gunung itu. Tapi gerak langkah terhenti apabila Siar ... apabila Siar... burung Kenyalang kawan kepada Rentap bapanya tadi menghinggapi bahunya berkata kepadanya untuk menghalakan lastiknya yang sedia berpasang batu yang tajam... batu yang tajam menghala menuju ke arah Siar... ke arah Siar di atas Gunung Singghai di waktu dia masih berbalah, masih berperangan. Kemudian muncul satu ketika di mana Isal memintanya melepaskan batu di lastiknya itu,

melepas. Pada waktu itu, Siopoi seolah-olah dipimpin tangannya, perasaannya, seluruh anggota badannya pada suatu kuasa besar yang menyokong perjuangan anaknya. Ah... kuasa dari... Tanpa menyedarinya, Siopoi pun melepaskan batu itu dan batu itu terbang tetapi dalam bentuk bebola api yang kecil, merentasinya jaraknya ke tempat Siar berdiri. Sedang Siar tengah sibuk mematahkan serangan-serangan pengikut-pengikut Rentap yang lain, tanpa disadari, bebola api kecil menghungus dadanya dan akhirnya dia mati. (Segmen 56)

Ah... Siopoi seolah-olah tidak...ah... tidak percaya dengan kejayaannya itu yang telah hanya menggunakan lastiknya sahaja. Selepas kejadian itu, Isal pun terbang kembali ke udara meninggalkan Siopoi seorang. Siopoi terus berjalan kembali mencari rakan-rakan yang lain dan ayahnya yang telah meninggal. (Segmen 57)

Ya, tinggal cumalah enam rakan-rakannya yang lain. Di mana enam orang inilah membentuk suku kaum Bidayuh di Kuching akhirnya dan Iban. Enam orang ada, namanya ialah Singai, Jagoi, Sadong, Selako, Penrissen dan Iban yang di mana semuanya ini adalah perintis kepada pembentuk suku-suku kaum Dayak di Sarawak. Nama-nama ini, ah... Mayat Rentap dibawa balik oleh Siopoi ke kampung dengan bantuan enam kawannya itu. Samping itu, kepala Siar pun dibawa pulang ke kampung sebagai alat penamat perang. Akhirnya Rentap dikebumikan. Ah... enam kawannya itu akhirnya menjelajah jauh dan menetap di tempat-tempat yang berlainan, daerah lain. (Segmen 58)

Dengan ini, muncullah dialek-dialek yang berbeza, suku-suku kaum Bidayuh dan Iban yang berbeza. Siopoi menggantikan ayahnya sebagai tuai rumah. Pernah sekali Siopoi dan ibunya bermimpi akan Rentap dan Isal yang melambai jauh kepada mereka. Dalam mimpi itu, Rentap berjanji kepada kedua-dua ah... anak Siopoi dan isterinya yang dia akan kembali ke bumi dan hidup bersama mereka lagi. Tapi dia sendiri tidak tahu bila dia akan kembali ke bumi. (Segmen 59)

Dalam berpuluh-puluh tahun kemudian, muncul seorang dukun dipanggil Dukun Tiukul. Dukun Tiukul adalah tuai rumah pengganti kepada Siopoi. Dukun Tiukul asalnya dari kampung pergunungan Singghai. Pada suatu hari, dia menceritakan kembali peperangan dahsyat di Gunung Singghai. Rentap dan pengikut-pengikutnya serta Siopoi anaknya pada anak-anaknya masa kecil di kampung. (Segmen 60)

Pada malam itu, dia bermimpi akan Isal terbang masuk ke dalam tempat tidurnya dan memanggilnya bangun dari tidur dalam mimpi itu. Dia Tiukul terkejut melihat akan kehadiran Isal dalam rupa bentuk seekor burung kenyalang yang cantik bulunya dan bercakap dengannya tentang peperangan dahsyat yang terjadi berpuluh-puluh tahun yang lepas yang lalu. Dalam mimpinya itu, Dukun Tiukul cuma mendengar saja apa yang dikatakan oleh Isal. Dalam mimpi itu juga, Dukun Tiukul diberitahu bahawa penjajahan daerah Bau oleh Siar akan datang kembali tapi dalam bentuk yang berlainan. Maka, kembalinya Rentap... maka akan kembalinya Rentap juga. Tapi dalam rupa yang berbeza dan bangsa yang berbeza untuk menentang penjajahan Siar yang akan kembali itu. (Segmen 61)

Dan bangsa yang terpilih ialah bangsa Iban di mana daripada bangsa ini akan munculnya, akan munculnya seorang wira Iban bernama Libau, nama samaran nanti Rentap. Apabila mendengar kata-katanya itu, dia memberitahu mimpinya itu kepada isterinya, anak-anaknya, jiran-jirannya. Pendek kata di

sini, satu rumah panjang tahu akan cerita mimpinya itu. Cerita ini tersebar dan kebanyakan orang takut akan Siar dan peperangan yang ah... seumpama dahulu itu muncul balik. Tapi sebenarnya cerita ini menjadi benar apabila Brooke bertapak dan menjajah negeri Sarawak. (Segmen 60).

Low Kok On, Ph.D.
Sekolah Pengajian Seni
Universiti Malaysia Sabah
88999, Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA.
E-mail: lowkokon@ums.edu.my